



## PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 12/2022

### PINDAAN TARIKH CUTI REHAT WAJIB SEMPENA HARI RAYA AIDILFITRI TAHUN 2022

1. Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja telah mengisyiharkan Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022 adalah pada 02 Mei 2022 ( Isnin ). Selaras dengan itu, kerajaan Negeri Kelantan telah bersetuju untuk meminda Hari Kelepasan Am (Cuti Peristiwa) dari tarikh asal 05 Mei 2022 (Khamis) kepada 04 Mei 2022 (Rabu).
2. Sehubungan itu, pelaksanaan Cuti Rehat Wajib turut dipinda tarikh daripada **04 Mei 2022 (Rabu)** kepada **05 Mei 2022 (Khamis)**.
3. Cuti Rehat Wajib ini dilaksanakan setelah mengambil kira rekod-rekod terdahulu jumlah kehadiran staf di pejabat yang kecil sepanjang tempoh perayaan seterusnya penjimatan utiliti seperti elektrik, air dan telekomunikasi dapat dioptimumkan.
4. Cuti rehat wajib ini akan ditolak terus daripada kelayakan cuti rehat tahunan dan staf tidak perlu memohon cuti rehat pada tarikh tersebut. Cuti Rehat Wajib ini akan direkodkan dalam jumlah cuti rehat tahunan bagi semua staf UMK dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing perlu mengambil maklum dan mengesahkannya.
5. Dengan kuatkuasanya pekeliling ini, maka pekeliling berikut adalah dibatalkan:
  - a) Pekeliling Pentadbiran Bil 9 – Pengisyiharan Cuti Rehat Wajib dan Hari Kelepasan Am (Cuti Peristiwa) Bagi Negeri Kelantan Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022
  - b) Pekeliling Pentadbiran Bil 11 - Pengisyiharan Cuti Rehat Wajib Sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 2022

Sekian, terima kasih.

**“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUAFAKAT, NEGERI BERKAT”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

A handwritten signature in black ink, appearing to read 'MAZULA BINTI SABUDIN'.

**MAZULA BINTI SABUDIN**

Pendaftar

2 MEI 2022

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
  - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab